

**PENGUNAAN HADIS BERKAITAN MUNAKAHAT DALAM KARYA  
PENULISAN JAWI DI NUSANTARA**  
**THE USE OF HADITHS MUNAKAHAT-RELATED JAWI WORKS IN  
NUSANTARA**

Muhammad Faidz Mohd Fadzil<sup>1</sup>, Abdul Qayuum Abdul Razak<sup>2\*</sup>, Muaz Hj Mohd Noor<sup>3</sup>,  
Mohd Zaid Mustafar<sup>4</sup>, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, mfaidz@uitm.edu.my.

<sup>2</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, gayyum@uitm.edu.my.

<sup>3</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, muaz3108@uitm.edu.my.

<sup>4</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, zaidmustafar@uitm.edu.my

<sup>5</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, nizam\_aziz@uitm.edu.my

\* Penulis penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

**Abstrak**

Keharmonian sesebuah keluarga bertitik tolak daripada kesedaran peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh seorang suami sebagai ketua keluarga dan isteri sebagai pembantunya bagi menguruskan hal ehwal urusan rumah tangga berjalan dengan lebih baik. Hakikatnya, kunci kepada kesedaran tersebut adalah daripada ilmu-ilmu agama yang diperolehi bersumberkan wahyu daripada al-Quran dan kebanyakannya adalah daripada hadis-hadis Nabi SAW. Dari perspektif sejarah, penulisan karya-karya Jawi di Alam Melayu telah bermula sejak abad ke-17 Masihi dan berkembang hingga kini. Pada masa kini terdapat karya-karya jawi khususnya yang membicarakan perbincangan munakahat yang telah dijadikan sebagai sumber rujukan utama bagi sesetengah kuliah pengajian dalam negara. Kajian ini cuba menyoroti sejarah awal penulisan karya jawi dalam bidang munakahat yang mana telah menjadikan hadis sebagai dalil asas dalam perbincangan bidang ini. Pengamatan awal terhadap karya-karya jawi yang berkaitan munakahat ini sebahagiannya telah memberi impak yang begitu besar kepada masyarakat kerana ia telah disampaikan menerusi kuliah-kuliah pengajaran dan sebahagian karya-karya ini telah dirumikan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis induktif dan deduktif serta analisis historis terhadap karya-karya lepas yang berkaitan. Kesimpulannya, sumber penulisan karya jawi dalam bidang munakahat didapati agak terhad dari sudut bilangannya dan sebahagian besar karya berteraskan hadis sebagai dalil asas perbincangan.

**Kata kunci**

Sejarah, munakahat, karya jawi, hadis

## Abstract

The harmony of a family is based on the awareness of the role and responsibilities borne by a husband as the head of the family and a wife as his assistant to manage household affairs better. In fact, the key to such awareness is from the religious knowledge obtained from the source of revelation from the Qur'an and most of it is from the hadiths of the Prophet SAW. From a historical perspective, the writing of Jawi works in the Malay world has started since the 17th century AD and has grown to the present day. Nowadays, there are Jawi works, especially those that discuss the munakahat debate, which have been used as the main reference source for the study of Jawi scriptures in our country. This study tries to highlight the early history of the writing of Jawi works in the field of munakahat which has made hadith as the basic evidence on the discussion in this field. Early observations of these munakahat-related Jawi works have in part given such a great impact to the community as they have been presented through teaching lectures and some of these works have been compiled. The methodology used in this study is a qualitative approach through inductive and deductive analysis methods as well as historical analysis of relevant past works. In conclusion, the sources of writing Jawi works in the field of munakahat are found to be quite limited in terms of number and most of the works are based on hadith as the basic evidence of the discussion.

## Keywords

History, munakahat, Jawi works, hadith

## 1. Pendahuluan

Perkahwinan merupakan suatu ibadah yang diasaskan daripada syariat Allah s.w.t. Dalil pensyariaan tersebut adalah berdasarkan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبْعًا

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat.

Surah Al-Nisa' (4):3

Allah s.w.t. juga telah berfirman:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُعْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ ۚ ۳۲

Maksudnya:

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha mengetahui.

Surah al-Nur (24): 32

Selain itu, pelbagai dalil wahyu daripada hadis Nabi s.a.w. turut menyentuh perihal munakahat seperti hak-hak seorang lelaki ke atas isteri dan seumpamanya. Namun begitu, penulisan awal bagi perbincangan ini kebanyakannya adalah bersumberkan

daripada penulisan kitab-kitab Arab sementelahan generasi awal penduduk tanah Melayu yang memeluk agama Islam ketika itu tidak mahir dan tidak memahami penulisan dalam bahasa Arab. Ini menyebabkan munculnya usaha-usaha penterjemahan daripada kitab-kitab arab kepada karya jawi yang giat dilakukan sekitar kurun ke-17 dan 18 yang mana telah diusahakan oleh para ulama tempatan dan daripada ulama Nusantara (Kosran, 2017).

Bagi generasi masa kini, sebahagian karya-karya ini telah pun dirumikan ('Abdur Rahim Fathani & Fanshuri Acheh, 2010). Ini menunjukkan sebahagian penulisan karya jawi mendapat tempat di hati masyarakat sehingga penulisan tersebut beralih dari Jawi ke rumi untuk memudahkan pembacaan bagi generasi hari ini. Jenis kitab jawi yang dirumikan dan mendapat perhatian adalah dalam perbahasan isu-isu munakahat ('Abdur Rahim Fathani, 2012). Beberapa tokoh ilmuan tanah air seperti Dato' Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Azhar Idrus turut menjadikan topik munakahat sebagai sebahagian daripada intisari kuliah yang disampaikan mereka (Elias, 2020; Idrus, 2012). Justeru kajian ini menfokuskan kepada pencarian karya-karya Jawi yang mengengahkan hadis-hadis yang berkaitan dengan munakahat bagi mengenalpasti sejauh mana penggunaan hadis-hadis dititikberatkan dalam hal ini.

## **2. Metodologi Penyelidikan**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data melibatkan kaedah analisis kandungan iaitu dengan mengenal pasti sumber daripada beberapa dokumen seperti buku, tesis dan jurnal yang berkaitan munakahat termasuklah penggunaan hadis-hadis dalam karya Jawi berkaitan. Antara rujukan utama yang digunakan dalam sorotan kajian lepas ialah seperti Fauzi Deraman (1997) dalam kajian berkaitan Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin Abdullah Al-Fataniy dan kajian oleh Faizuri Abdul Latif dan Ahmad Faisal bin Abdul Hamid (2009) melalui tulisannya, Tradisi Penulisan Hadith Dalam Karya Ulama' Melayu: Kajian Terhadap Kitab 'Aqâdah al-Najîn . Artikel ini memberi maklumat berkenaan karya jawi yang membahaskan atau menghimpunkan perihal penulisan hadis-hadis dalam karya jawi. Selain itu penulis juga menjadikan tesis kedoktoran Mohd Anuar Ramli (2010) iaitu Analisis Gender dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu dari Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang bertemakan kajian fiqh khusus dalam aspek munakahat sebagai rujukan utama. (Ramli, 2010)

## **3. Hasil Dan Perbincangan**

Perkembangan dan penyebaran agama Islam di Nusantara sedikit sebanyak menjadi penyebab utama kepada kelahiran naskhah-naskhah Melayu atau penulisan karya-karya jawi kerana karya-karya jawi telah menjadi medium kepada umat Islam di Nusantara pada era itu sebagai sumber rujukan dan pelengkap dalam memahami ilmu agama. Aktiviti penulisan buku-buku agama secara meluas di Nusantara hanya bermula pada abad ke-17 Masihi terutamanya di Acheh. Justeru itu, banyak kitab agama adalah karangan daripada ulama-ulama tempatan sendiri. Kemudian, barulah usaha ini bertebaran ke negeri-negeri lain (Yahaya, 1994).

Secara umumnya, pengkategorian karya-karya jawi meliputi pelbagai bidang dan disiplin ilmu. pecahan bidang ilmu yang dimaksudkan pengkaji adalah terdiri daripada kesusasteraan dan bahasa, agama, sejarah, astrologi, farmakologi, surat-surat

perjanjian, ketatanegaraan, undang-undang dan sebagainya. Dalam erti kata lain, penghasilan karya-karya jawi boleh dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu bidang agama, sejarah, bahasa dan sastera (Abdullah, 1990). Dalam ketiga-tiga bidang penulisan tersebut, bidang agama merupakan bidang yang paling dominan berbanding bidang-bidang yang lain kerana usaha penyebaran dan pengembangan agama Islam ketika itu telah diperhebatkan terutamanya melalui medium penulisan (Yahaya, 1994).

Sekiranya dilihat dalam skop yang lebih kecil lagi, khususnya penulisan dalam bidang agama, ia meliputi beberapa aspek antaranya tauhid, aqidah, fiqah atau hukum, tasawuf, akhlaq, hadis, tafsir dan doa. Sebahagian penulisan itu terbit dalam bentuk yang pelbagai seperti syair, gurindam dan sebagainya (Sham, 2004). Walaupun skop tersebut amat luas yang mana mencakupi seluruh kehidupan manusia, hakikatnya tradisi ilmu-ilmu Islam di Nusantara terbatas kepada beberapa aspek iaitu fiqah, tasawuf dan ilmu kalam atau tauhid. Manakala, aspek lain seperti tafsir, hadis dan lain-lain tidak diberi perhatian sebaiknya oleh ulama Nusantara dan ini disebabkan faktor keperluan pada waktu itu yang lebih terfokus kepada isu-isu dasar Islam, perkara ibadah dan perbahasan tauhid (Abd. Rahman, 2003). Hal ini juga berlaku kerana pada peringkat awal kedatangan Islam atau Zaman Samudera – Pasai dan Melaka, lebih memerlukan pengetahuan dasar Islam iaitu aqidah. Tambahan pula, pada abad 16M dan 17M, perbahasan tauhid menjadi isu hangat antara ulama Nusantara pada waktu itu. Kemudian disusuli pula dengan keperluan kepada pengetahuan ibadah atau fiqah kerana bagi mereka pada ketika itu agama Islam terlalu baru buat mereka. Begitu juga ilmu tasawuf yang lebih tertumpu kepada soal kerohanian dan akhlak mula berkembang pada era tersebut dan boleh dikatakan ia kemuncak kepada ajaran Islam yang menjadi pelengkap kepada ilmu-ilmu Islam yang lain. Maka, tidak hairanlah mengapa karya tasawuf paling banyak dihasilkan pada era tersebut. Kedatangan ramai ulama sufi dari India dan Arab juga menjadi punca lahirnya pelbagai karya tasawuf. Lantaran itu, penulisan-penulisan yang berlegar pada waktu itu adalah lebih berkisar kepada persoalan asas atau aqidah yang menjadi perkara tunjang dalam agama Islam (Abd. Rahman, 2003). Justeru itu, bidang-bidang penulisan lain dilihat seakan-akan terasing daripada arus perdana pada masa itu.

Namun begitu, perkembangan ilmu fiqah yang berlaku di Nusantara secara tidak langsung sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada perkembangan ilmu hadis. Meskipun kitab-kitab yang dihasilkan dalam bidang hadis begitu terhad, usaha penyebarannya tidak pernah terhenti bahkan dengan adanya penulisan dalam bidang fiqah, ia menjadi medium bagi meneruskan kesinambungan penyebaran hadis dan telah memberi kesan kepada umat Islam ketika itu betapa pentingnya hadis-hadis Nabi s.a.w. sebagai sumber hukum dalam keseluruhan hidup umat Islam.

Sekiranya diperhatikan penulisan dalam bidang fiqah, pada asalnya kitab-kitab fiqah yang dihasilkan oleh ulama-ulama di Nusantara ini adalah berorientasikan kepada beberapa buah kitab utama dalam kalangan ulama-ulama mazhab Syafii. Misalnya, pada zaman kerajaan Pasai (abad ke-13) yang terkenal sebagai pusat pengajian Islam terpenting telah menjadikan kitab *Minhaj al-Talibin* karangan Imam Mubayyid al-Din Abu Zakariya al-Nawawi (1232 M -1277 M) sebagai rujukan pengajian di surau dan madrasah di Indonesia. Setelah kemunduran kerajaan Pasai, Melaka pula telah mengambil alih peranan sebagai pusat politik dan dicatatkan terdapat catatan berkenaan penggunaan kitab *Talkhîf al-Minhaj* yang ditulis Imam al-Nawawi, kitab *al-Muhazzab* oleh Abū Ishāq al-Shirāzī dan juga karya-karya Ibn Hajar al-Haythamī di

Melaka (Abdullah, 1990). Kesan daripada penggunaan karya-karya Imam al-NawwÉwÉ dan al-ShirÉzÉ, hukum Islam yang berlandaskan mazhab Syafii telah berkembang di Melaka. Kenyataan ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila dua buah kitab undang-undang yang terkenal iaitu Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut diperhatikan isi kandungannya. Hukum Islam telah diterapkan dalam kedua-dua undang-undang tersebut dan pengaruh agama Islam jelas ketara dalam bidang munakahat, muamalat, jinayat dan sebagainya. Abdul Rahman Haji Abdullah telah mendatangkan contoh bahawa Bab 25-28 yang membahaskan contoh perkahwinan dikatakan bermazhab Syafii (Abdullah, 1990).

Kitab fiqh berbahasa Melayu yang mana dianggap antara kitab terawal dan pertama dikarang di Nusantara ini adalah *Al-Øirat al-MustaqÉm* oleh Shaykh NÉr al-DÉn al-RÉnÉrÉ (w. 1658M/ 1068H). Walaupun kitab ini hanya membicarakan persoalan fiqh ibadat sahaja, hakikatnya ia telah menjadi perintis kepada penulisan kitab-kitab fiqh berbahasa Melayu yang lain (Hashim, 2009). Kemudian, lahirlah karya-karya lain dalam bidang fiqh yang menyentuh segenap aspek dalam bidang fiqh dan antaranya termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan munakahat. Misalnya, kitab *SafÉnah al-ukkam* karangan JalÉl al-DÉn al-TursÉnÉ iaitu sebuah kitab yang mengupas tentang persoalan *al-QaÉÉ'* atau kehakiman. Kitab yang dihasilkan lebih bertujuan sebagai panduan bagi para kadi, pegawai kerajaan dan juga kepada raja. Aspek hukum perkahwinan juga turut disentuh pengarang di samping hukum-hukum lain seperti perdagangan, jenayah dan pusaka dengan disertai petunjuk-petunjuk bagi para kadi. Sebuah lagi kitab iaitu kitab HidÉyah al-'AwwÉm yang luas bidang cakupan perbahasannya, bukan sahaja dalam masalah ibadah bahkan juga dalam hal munakahat dan lain-lain telah dikarang oleh JamÉl al-DÉn al-TursÉnÉ iaitu putera kepada JalÉl al-DÉn (Abdullah, 1990).

Karya-karya lain yang ditemui antaranya, dikatakan karya milik Shaykh NÉr al-DÉn al-RÉnÉrÉ iaitu *BÉb al-NikÉÍ*. Kenyataan ini dipetik daripada buku Pemikiran Umat Islam di Nusantara karya Abdul Rahman Haji Abdullah (Abdullah, 1990) iaitu:

“Menurut satu sumber, dikatakan ketika Kedah diperintah oleh Sultan Muzaffar Syah, raja Aceh telah mengirimkan dua buah kitab karya NÉr al-DÉn al-RÉnÉrÉ, iaitu *Al-Øirat al-MustaqÉm* dan *BÉb al-NikÉÍ* ke Kedah.”

Shaykh NÉr al-DÉn al-RÉnÉrÉ juga telah menghasilkan suatu karya lain yang turut memuatkan satu bab yang berkaitan munakahat iaitu di dalam karya beliau yang bernama “*Al-FawÉ'id al-Bahiyah fÉ al-AÍÉdÉth al-NabawÉyyah*”. Kitab tersebut telah siap ditulis pada 6 Syawal 1045H / 1635M (Abd. Rahman, 2003).

Kitab ini mengandungi hadis-hadis yang berkaitan dengan *targhib* dan *tarhib* sebanyak 823 buah hadis. Bab-bab di dalam kitab ini merangkumi *abwÉb al-DÉn*, bermula dengan “Bab Pada Menyatakan Menggemari Niat” dan berakhir dengan “Bab Pada Menyatakan Menggemari Meminta Ampun dan Taubat”. Jumlah keseluruhan bab adalah sebanyak 53 buah bab. Bab yang menyentuh perihal munakahat adalah Bab ke-41 iaitu “Bab Pada Menyatakan Menggemari Berkasih-kasih dengan Isteri dan Hak Suami Atas Isteri dan Hak Isteri Atas Suami”. Kitab ini dicetak beberapa kali di Mekah dan Asia Tenggara. Namun, bagi cetakan di Asia Tenggara adalah daripada Maktabah wa MaÍba'ah al-Nahdi wa AwlÉdih yang mana ia dicetak di bahagian tepi

kitab *Jamīnu al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*. Jumlah halaman bagi cetakan tersebut adalah 330 halaman (Abd. Rahman, 2003).

Mahayudin Hj. Yahaya ada menyebutkan beberapa naskah Jawi berkenaan perihal munakahat dalam penulisan beliau. Contoh-contoh penemuan naskah yang dimaksudkan adalah seperti "*SÊÊ ØiyÉnah ØÉÍÊb FatÊt wa al-AmÉnah*" oleh Raja Ali Haji. Naskah ini terkandung dalamnya berkenaan pengajaran ilmu dan sifat amanah bermula daripada tuntutan ibadat sehinggalah kepada perihal berkenaan perhubungan suami isteri (Yahaya, 1994). Menurut Profesor Dato' Dr. Abu Hassan daripada Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur bahawa Raja Ali Haji juga pernah membina syair yang menceritakan perihal munakahat iaitu dinamakan "Syair KitÉb al-NikÉÍ". Terkandung dalamnya hukum yang perlu diketahui bakal pengantin seperti rukun nikah, kufu, kenduri kahwin, jenis-jenis talak, iddah, nafkah dan susuan (Mohd Sham, 2004). Selain itu, terdapat lagi manuskrip-manuskrip lain yang direkodkan oleh Mahayudin Hj. Yahaya iaitu "KitÉb al-NikÉÍ" salah satu hasil penulisan Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari tetapi kitab ini masih belum ditemui. Menurut kaum keluarga Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari, beliau pernah menulis tentang hal-hal yang berkaitan pernikahan seperti masalah wali nikah, akad nikah dan lain-lain (Yahaya, 1994).

Mahayudin Hj. Yahaya turut merekodkan penemuan manuskrip-manuskrip Jawi lain dan antara karya-karya yang ada menyentuh perkara munakahat adalah seperti naskah "*ShifÉ' al-QulÉb*". Pengarang bagi naskah ini tidak diketahui dan tahun terbitannya adalah pada 1225H bersamaan 1810M. Jumlah halaman adalah sebanyak 57 halaman dan jumlah bab adalah sebanyak 40 buah bab. Bab ke-25 adalah bab kelebihan berkahwin. Bab-bab lain pula menyentuh perkara-perkara seperti kelebihan ilmu dan ulama, kelebihan wuduk, azan, berpuasa, solat yang difardukan dan lain-lain. Bilangan hadis yang terkandung dalam manuskrip ini adalah sebanyak 400 buah hadis (Yahaya, 1994).

Dalam buku bertajuk *FalÉh fÊ BayÉn AÍkÉm al-ÙalÉq wa al-NikÉÍ* oleh seorang ulama Acheh iaitu Muhammad Zayn Ibn al-FaqÉÍ JalÉl al-DÉn al-AshÉ al-ShafiÑÉ (Tahun dan tempat penerbitan tidak diketahui). ~~Bilangan halaman bagi naskah ini pula adalah~~ sebanyak 26 halaman. Naskah ini mengandungi perbincangan hukum nikah dan talak yang terhimpun di dalam empat fasal, tidak termasuk bahagian khatimah (kesimpulan) (Yahaya, 1994).

Karya-karya lain yang ditemui adalah seperti kitab *TanqÉÍ al-Qawl al-×athÉth Sharí LubÉb al-×adÉth* dikarang oleh Syeikh Nawawi al-Bantani yang lahir pada 1815M dan wafat pada 1897M. Kebiasaannya kitab ini digunapakai dalam kalangan Pondok-pondok Malaysia. Misalnya, Pondok Pulau Pisang, Kedah dan juga Pondok Pesantren di Indonesia. Jumlah keseluruhan bab bagi kitab ini adalah 40 buah bab. Penulisan kitab ini dimulai dengan bab tentang keutamaan ilmu dan ulama serta diakhiri dengan bab keutamaan sabar ketika mendapat musibah. Ringkasnya, perbahasan adalah berkisar amalan fardu dan sunnah. Bab yang mempunyai kaitan dengan persoalan munakahat terletak di dalam bab yang ke-25 iaitu bab "Keutamaan Nikah". Jumlah keseluruhan halaman adalah sebanyak 64 halaman (Sutopo, 2008). Selain itu, Syeikh Nawawi turut menghasilkan sebuah kitab iaitu "*ÑUqÉd al-Lujayn FÊ BayÉn ×uqÉq al-Zawjayn*" yang juga membicarakan perihal munakahat (Sutopo, 2008).

Sumber-sumber penulisan Jawi semakin bertambah apabila kemunculan sebilangan besar ulama dari Patani misalnya Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani (w.1847 M) yang telah menyumbangkan usaha beliau dalam penulisan. Kehadiran tokoh ulama ini juga telah memberi impak yang besar dan menyemarakkan lagi penerbitan naskhah-naskhah atau karya-karya Jawi Melayu di Nusantara. Kebanyakan naskhah-naskhah yang dicetak adalah berkaitan dengan fiqah. Hasil usaha kerajaan Turki Uthmaniyyah dengan bantuan ulama Melayu di Mekah, naskhah-naskhah Melayu Jawi telah mula dicetak di Istanbul, Mesir, Mekah dan kemudiannya mula dicetak di Pulau Pinang pada sekitar abad ke-20. Perbahasan fiqah yang diperbincangkan dalam beberapa buah karya beliau turut melibatkan perbincangan isu-isu munakahat yang mana secara tidak langsung penggunaan hadith-hadith berkaitan telah dimasukkan dalam perbincangan tersebut. Bahkan beliau juga telah mengarang sebuah kitab yang khusus mengenai munakahat iaitu *KitÉb ÌÉÍ al-BÉb li MurÉd al-NikÉÍ bi al-ØawÉb* (Yahaya, 1994).

Selain itu, beliau juga telah memuatkan dalam karya beliau kitab *FurÉÑ al-MasÉ'il* iaitu sebuah bab di bawah topik munakahat. Kitab ini dikatakan merupakan sebuah karya yang lengkap dan puncak dalam bidang fiqah di Nusantara yang mencakupi segenap aspek ibadah seperti muamalat, jinayat, dan pelbagai masalah lain. Tidak ketinggalan juga beberapa karya-karya lain yang dihasilkan beliau seperti kitab *SullÉm al-MubtadÉ fÉ Ma'rifah ÚarÉqah al-MuhtadÉ, JawÉhir al-Saniyyah, Jam'u al-FawÉ'id wa JawÉhir al-QalÉ'id* dan sebagainya yang turut mengandungi beberapa bab yang berkaitan dengan munakahat beserta penggunaan hadis-hadis sebagai sumber pendalilan (Abdullah, 1990). Dalam erti kata lain, dengan terbitnya karya-karya Jawi fiqah ketika itu, secara tidak langsung hadis-hadis sebagai sumber dalil telah berjaya disebarkan melalui karya-karya tersebut. Menurut Mahayudin Hj. Yahaya, karya-karya Jawi dalam bidang fiqah yang dihasilkan, kebanyakannya adalah menurut mazhab Syafii (Yahaya, 1994).

Pada kurun ke-19 menyusul pula beberapa buah kitab fiqah yang lain. Kitab yang paling terkemuka ketika itu ialah kitab *Ma'ila' al-Badrayn wa Majma' al-Ba'rayn* karangan Muhammad bin Ismail Dawud al-Fatani yang telah diterbitkan pada tahun 1882 di Makkah. Meskipun kitab ini telah menyentuh permasalahan akidah di bahagian permulaan kitab, akan tetapi dari segi keseluruhannya kitab ini merupakan sebuah kitab fiqah. Perbahasan munakahat turut diperbincangkan dalam kitab ini. Perbahasan antara kitab ini dengan kitab *FurÉ ' al-MasÉ'il* adalah hampir sama, cuma ia lebih ringkas dan padat. Kitab *Ma'ila' al-Badrayn, FurÉ ' al-MasÉ'il* dan kitab *Al-Øirat al-MustaqÉm* dikatakan antara kitab-kitab yang terpenting dan paling berpengaruh di Nusantara (Abdullah, 1990). Kelahiran kitab *Muhimmah* oleh Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani adalah antara terbitan yang terkemudian menyenaraikan isu-isu munakahat dalam karya jawi.

Selain itu, terdapat penulisan karya jawi lain yang turut membicarakan perihal munakahat dan telah dihasilkan pada awal kurun ke-20 oleh beberapa pengarang tanah air. Kemudian, penulisan tersebut dirumikan dan diterbitkan semula oleh pertubuhan Akademi Jawi Malaysia untuk tatapan generasi masa kini. Misalnya, *Kitab Alam Perempuan* oleh al-Sayyid Shaykh bin Ahmad al-Hadi, *Kitab Adab Perempuan* oleh Ahmad Ya'qub al-Johori dan *Haqq-haqq Laki Bini* oleh Muhammad Hashim Yunus (Akademi Jawi Malaysia, 2021).

Berikut adalah gambar rajah kitab-kitab jawi berkenaan munakahat yang telah dibahaskan sebelum ini:

**Jadual 1: Karya-Karya Jawi Berkaitan Munakahat**

BIL.	NAMA KITAB	PENGARANG	TAHUN PENERBITAN
1	Kitab Undang-undang Melaka	-	-
2	Kitab Undang-undang Laut	-	-
3	<i>SafÊnah al-×ukkam</i>	JalÊl al-DÊn al-TursÊnÊ	-
4	<i>HidÊyah al-'AwwÊm</i>	JalÊl al-DÊn al-TursÊnÊ	-
5	<i>BÊb al-NikÊl</i>	Shaykh NËr al-DÊn al-RÊnÊrÊ	-
6	<i>Al-FawÊ'id al-Bahiyyah fÊ al-AÍÊdith al-Nabawiyyah</i>	Shaykh NËr al-DÊn al-RÊnÊrÊ	1045H / 1635M
7	<i>SÊtÊ ØiyÊnah Øalib FatÊt wa al-AmÊnah</i>	Raja Ali Haji	-
8	<i>Syair KitÊb al-NikÊl</i>	Raja Ali Haji	-
9	<i>KitÊb al-NikÊl</i>	Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari	-
10	<i>ÎÊl al-BÊb li MurÊd al-NikÊl bi al-ØawÊb</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	1224 H
11	<i>ShifÊ' al-QulÊb</i>	-	1225H / 1810M
12	<i>Talkhîl al-FalÊl fÊ BayÊn AÍÊm al-ÛalÊq wa al-NikÊl</i>	MuÁammad Zayn Ibn al-FaqÊl JalÊl al-DÊn al-AshÊ al-ShÊfi'Ê	-
13	<i>TanqÊl al-Qawl al-×athÊth Sharí LubÊb al-×adÊth</i>	Syeikh Nawawi al-Bantani	-
14	<i>'UqÊd al-Lujayn fÊ BayÊn ×uqÊq al-Zawjayn</i>	Syeikh Nawawi al-Bantani	-
15	<i>JamÑu al-FawÊ'id wa JawÊhir al-QalÊ'id</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	-

BIL.	NAMA KITAB	PENGARANG	TAHUN PENERBITAN
16	<i>FurĒ' al-MasĒ'il</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	-
17	<i>SullĒm al-MubtadĒ fĒ Ma'rifah ŪarĒqah al-MuhtadĒ</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	-
18	<i>JawĒhir al-Saniyyah</i>	Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani	-
19	<i>MaĒla' al-Badrayn wa Majma' al-BaĒrayn</i>	Muhammad bin Ismail Dawud al-Fatani	1882 M
20	<i>Muhimmah</i>	Syeikh Abdullah Bin Abdul Rahim Fatani	1949 M
21	<i>Kitab Alam Perempuan</i>	al-Sayyid Shaykh bin Ahmad al-Hadi	-
22	<i>Kitab Adab Perempuan</i>	Aĥmad Ya'qub al-Johori	1926 M
23	<i>Haqq-haqq Laki Bini</i>	Muhammad Hashim Yunus	-

#### 4. Kesimpulan

Pengkaji membuat penelitian terhadap penggunaan hadis dalam karya-karya munakahat oleh para ulama Nusantara bahawa perbahasan munakahat mudah dan banyak didapati dalam karya-karya jawi khususnya dalam kitab-kitab bidang hadis dan fiqah. Kedua-dua bidang ini menjadi sumber para ulama dalam mengumpul perihal munakahat kerana ia antara skop perbincangan utama dalam penulisan mereka. Tambahan pula, topik munakahat mempunyai kaitan langsung dengan bidang fiqah yang mana hadis-hadis munakahat sering dijadikan sumber penetapan hukum dalam topik tersebut.

Meskipun penulisan karya jawi dalam bidang munakahat mudah diperolehi, namun penulisan karya jawi yang secara khusus menempatkan hadis-hadis munakahat sebagai perbahasan utama adalah sangat terhad berbanding bidang-bidang lain. Realitinya penggunaan hadis tetap digunakan sebagai dalil utama kerana ia adalah sumber hukum Islam yang merangkumi segenap aspek bidang dalam kehidupan.

## Rujukan

- Akademi Jawi Malaysia. (7 Julai, 2021). Diperoleh daripada Koleksi Rumah Tangga Jawi: <http://akademijawi.my/koleksi-rumah-tangga-jawi.html>
- Abd. Rahman, M. M. (2003). *Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian al-Hadith: Kajian Terhadap Kitab al-Fawa'id al-Bahiyah fi al-Ahadith al-Nabawiyah (tesis kedoktoran)*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abdul Latif, F., & Abdul Hamid, A. F. (2009). Tradisi Penulisan Hadith Dalam Karya Ulama' Melayu: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin. *Jurnal Usuluddin*, 91-109.
- Abdullah, A. R. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara* (1 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdur Rahim Fathani, A. (2012). *Kitab Muhimmah* (1 ed.). (U. W. Hussin, Trans.) Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Abdur Rahim Fathani, A., & Fanshuri Acheh, A. R. (2010). *Muhimmah & al-Mawa'izd al-Badi'ah* (6 ed.). (N. Abu, Terj.) Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Deraman, F. (1997). *Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin Abdullah Al-Fataniy, Tesis (Ph.D.)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Elias, M. K. (11 Februari, 2020). Ustaz Datuk Mohd Kazim Elias : Muhimmah. Diperoleh daripada Youtube.com: <https://www.youtube.com/watch?v=g8-tJ46IQJ8>
- Hashim, J. (2009). Metode Penulisan Fiqh oleh Nur al-Din al-Raniri Dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim. *Jurnal Syariah*, 17(2), 267-298.
- Hj. Yahaya, M. (1994). *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idrus, A. (3 Disember, 2012). Ustaz Azhar Idrus Kitab Muhimmah Siri 1 Pengantin Gila. Diperoleh daripada [youtube.com: https://www.youtube.com/watch?v=zbpSDhogXUw&list=PLJf1cuYLtP5edL3DqcXmIDl3xYZlpultZ](https://www.youtube.com/watch?v=zbpSDhogXUw&list=PLJf1cuYLtP5edL3DqcXmIDl3xYZlpultZ)
- Kosran, S. Z. (2017). Peranan Tulisan Jawi Dalam Penulisan Hadith Di Nusantara. *Jurnal al-Turath*, 2(2), 49-53.
- Mohd Sham, A. H. (2004). *Syarahana Perdana "Ulama Nusantara: Antara Penghasilan Karya Kreatif dan Kitab Jawi"*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ramli, M. A. (2010). *Analisis Gender dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu, Tesis (Ph.D. Syariah), Jabatan Fiqh dan Usul*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sutopo, A. (2008). *Sumbangan Nawawi al-Bantani dalam Bidang Hadith: Kajian Terhadap Kitab Tanqih al-Qawi (Disertasi)*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.